

09 SEP 1999

Mahathir-Penyelidikan

MASYARAKAT MELAYU PERLU SEMAI BUDAYA R&D SEPENUHNYA, KATA MAHATHIR

BANGI, 9 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini masyarakat Melayu mampu mencipta teknologi dan produk yang canggih jika mereka dapat menyemaikan sepenuhnya budaya penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Perdana Menteri berkata masyarakat Melayu bukannya kurang pandai tetapi mereka tidak mempunyai budaya R&D.

Katanya walaupun budaya R&D telah disemai sedikit di kalangan orang timur termasuk orang Melayu dan bumiputera lain tetapi ia belum menjadi budaya yang sebenar bagi mereka pada waktu ini.

"Sebab itu perkara yang utama untuk menjayakan R&D ialah menyemai budaya yang sesuai dengan R&D," kata beliau ketika berucap merasmikan Pusat Teknologi Pintar UKM-MTDC (Universiti Kebangsaan Malaysia-Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia) di UKM di sini.

Dr Mahathir berkata orang Melayu memiliki banyak ilmu yang boleh dibangunkan jika mereka memiliki sepenuhnya budaya R&D.

Beliau berkata apa yang berlaku sekarang ialah orang Melayu yang mempunyai ilmu berkenaan bukan sahaja tidak akan membangunkan ilmu itu tetapi mereka biasanya menyembunyi ilmu mereka.

"Demikian jika dukun Melayu mempunyai ubat yang mustajab, maka disembunyikannya daripada pengetahuan orang lain," kata beliau.

Dr Mahathir berkata mungkin anaknya diajar tetapi tidak sepenuhnya kerana khuatir yang menuntut akan lebih pandai daripada guru.

Kerap kali tidak ada siapa yang diperturunkan ilmu berkenaan dan ilmu itu akan hilang apabila pemiliknya meninggal dunia, katanya.

"Masyarakat tidak akan memperolehi apa-apa pelajaran atau faedah secara berkekalan. Sudah tentu tidak akan ada penyelidikan dan pembangunan yang berterusan berkenaan dengan ilmu yang dimiliki atau dicipta," kata beliau.

Dr Mahathir berkata masyarakat tidak mungkin maju kerana budaya mencatat, menulis, membuku secara sistematik tidak ada.

Perkembangan ilmu juga tidak ada dan ilmu bukan sahaja tidak berkembang tetapi luput dan hilang dari masyarakat, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata banyak barangan yang dicipta tidak mendatangkan apa-apa pulangan kepada pencipta kerana pencipta terlalu cemburu dengan rahsia ciptaannya.

Perdana Menteri berkata masyarakat Melayu tidak perlu menyembunyikan ilmu yang mereka perolehi atau yang dicipta kerana sudah ada undang-undang yang boleh melindungi ciptaan mereka.

"Sebaliknya, kita juga perlu mengakui bahawa ada kemungkinan yang orang lain juga mempunyai idea yang sama," kata beliau.

Dr Mahathir berkata apa yang penting ialah ciptaan itu tidak harus statik tetapi juga harus dan boleh diperbaiki lagi tanpa had.

"Jika sudah baik, ia masih boleh diperbaiki lagi. Dengan ini walaupun orang lain mungkin meniru, kita akan selalunya terdahulu dengan kemajuan ciptaan kita," kata beliau.

Beliau berkata orang ramai, khususnya masyarakat Melayu, harus memahami akan pentingnya menyemai dan melaksanakan budaya R&D.

"Tanpa budaya ini kita tidak mungkin maju dalam pembangunan bukan sahaja penyelidikan dan pembangunan tetapi mendapat hasil dan pulangan yang setimpal daripadanya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sementara kebanyakan pencipta yang membuat R&D terdiri daripada orang bukan Islam, orang Islam pula memerlukan alatan

tertentu supaya dapat mensucikan diri mengikut kehendak agama.

"Tetapi peralatan tandas dan lain-lain tidak mengambilkira keperluan orang Islam," katanya.

Oleh itu, penyelidik Islam perlu memberi perhatian kepada peralatan-peralatan yang sesuai bagi orang Islam, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata R&D memang satu bidang yang luas yang mempunyai potensi yang besar.

"Sehingga kini hampir semua daripada alatan dan sistem yang kita guna adalah hasil daripada penyelidikan dan pembangunan orang etnik Eropah yang tinggal di iklim sederhana.

"Ciptaan mereka sesuai untuk kegunaan dalam iklim sederhana. Lain pula keadaan di Malaysia dengan iklimnya lembab dan barangan ciptaan etnik Eropah itu kadang-kadang tidak sesuai untuk digunakan di negara ini," kata beliau.

Dr Mahathir berkata pencipta tempatan boleh menggunakan peluang ini untuk mencipta atau mengubahsuai barangan yang dapat digunakan dalam iklim tropika yang lembap.

Beliau mengambil contoh kereta penumpang yang dicipta bagi iklim sederhana tetapi jika disimpan dalam iklim tropika yang lembap dan panas seperti Malaysia, dalaman kereta dan bahan dalaman menjadi amat panas.

"Apakah tidak boleh kita guna cat, cermin, rekabentuk dan bahan yang boleh mengalis panas?" kata beliau.

-- BERNAMA

ES AKD